

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]**

TARIKH : 16 MAC 2016

SOALAN :

YB Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Pejabat Perdana Menteri melarang media-media atas talian seperti Malaysiakini, The Malaysian Insider, Malay Mail Online untuk membuat liputan atas aktiviti Pejabat Perdana Menteri walaupun mereka ada permit media yang sah. Nyatakan sebab-sebab larangan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Pejabat Perdana Menteri tidak mengenakan sebarang larangan terhadap media atas talian untuk membuat liputan ke atas program Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Namun begitu, ada ketikanya Pejabat Perdana Menteri menghadkan jumlah pihak media yang membuat liputan program Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas sebab tertentu. Ini termasuklah kerana tempat majlis yang terhad, faktor keselamatan dan memastikan laporan berita yang lebih fokus.

Sekian, terima kasih.